

# PERLAKSANAAN EKONOMI, PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Hartini Mohammad Yussof*<sup>1</sup>  
Brunei Darussalam

## Abstrak

Sudah 20 tahun lamanya negara Brunei Darussalam melalui pengalaman dalam usaha penyediaan dan pelaksanaan ekonomi, perbankan dan kewangan negara yang berlandaskan syariah. Pada masa ini kerajaan telah banyak membuat perancangan dalam berbagai aspek bagi merealisasikan hasrat rakyat yang beragama Islam khususnya dalam aktiviti mereka dari segi perekonomian, perbankan dan kewangan. Prasarana bagi maksud di atas juga tidak kurang berkembangnya seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang sudah bertaraf global atau yang sering di sebut sebagai dunia tanpa sempadan. Sebagai sebuah negara Islam yang didominasi penduduk yang beragama Islam adalah wajar pelaksanaan ekonomi, perbankan dan kewangan sentiasa menurut lunas-lunas Islam. Makalah ini akan cuba membincangkan pengalaman negara Brunei Darussalam sebagai negara Islam dalam usahanya untuk mengembang dan mengaplikasikan aktiviti perekonomian, perbankan dan kewangan yang berlandaskan syariah bagi membantu rakyat yang beragama Islam untuk melaksanakan tuntutan agama dalam salah satu aktiviti kehidupan yang penting bagi kelangsungan hidup. Berbagai aspek akan di bincangkan di dalam makalah ini bagi melihat sejauh mana pelaksanaan tersebut telah di kecapai.

---

<sup>1</sup> Pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Dasar Awam, Universiti Brunei Darussalam.

## **Pengenalan**

Negara Brunei Darussalam (selepas ini di tulis sebagai Brunei) adalah sebuah negara kecil di rantau Asia Tenggara di mana majoriti penduduknya beragama Islam. Sumber pendapatan negara berasaskan dari pengeluaran minyak dan gas. Sumber asli inilah yang sepenuhnya membantu Brunei menjadi salah sebuah negara kecil yang kaya. Namun pengeluaran minyak dan gas ini sesuatu yang bersifat tidak kekal atau boleh habis bila-bila masa sahaja, oleh itu, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Paduka Seri Baginda Sultan, memperkenalkan polisi dalam mempelbagaikan ekonomi negara agar ianya bersifat mapan.

KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan bertitah dan menegaskan bahawa pada tahun 2012, pelbagai usaha akan dilipatgandakan dan dikukuhkan ke arah mempelbagaikan ekonomi negara melalui rancangan kemajuan negara yang ke-10 yang telah pun bermula pada 1 April 2012.

Dari segi pelaksanaan ekonomi, perbankan dan kewangan Islam di Brunei boleh dikatakan telah banyak yang dikecapi. Pelaksanaan ekonomi Islam amat ketara di negara ini di mana kerajaan tidak membenarkan perdagangan minuman keras dan memastikan perdagangan halal di jalankan. Sebagai contoh dalam isu penyembelihan binatang untuk dimakan penduduk yang khususnya beragama Islam, pihak kerajaan akan memastikan binatang tersebut disembelih dengan cara Islam dan halal. Negara ini juga memastikan investasi-investasi yang dijalankan adalah bersumber dari yang halal dan bukannya dari yang haram seperti perniagaan judi apatah lagi perniagaan yang tidak beretika dan bermoral yang boleh menggugat kesejahteraan rakyat seperti perniagaan kelab malam dan hiburan yang melalaikan.

Perlaksanaan ekonomi Islam di Brunei juga dapat dilihat dari segi pelaksanaan zakat wajib dan harta bagi membantu rakyat yang tidak berkemampuan dan bernasib baik. Hasil dari duit zakat ini boleh membantu perekonomian mereka yang memerlukan demi kelangsungan hidup yang lebih baik.

Dari segi pelaksanaan perbankan dan kewangan Islam pula, Brunei telah mampu membuktikan bahawa penubuhan system perbankan dan kewangan Islam adalah tepat dan mampu berdaya saing dengan perbankan dan kewangan yang bersifat konvensional yang masih wujud di negara ini. Malah salah satu perbankan Islam di Brunei merupakan sebuah bank yang terbesar di negara ini yang memberikan khidmat dan produk-produk kewangan yang berlandaskan syariah.

Makalah ini akan cuba membincangkan pengalaman Brunei Darussalam sebagai negara Islam dalam usahanya untuk mengembang dan mengaplikasikan aktiviti perekonomian, perbankan dan kewangan yang berlandaskan syariah bagi membantu rakyat yang beragama Islam untuk melaksanakan tuntutan agama dalam salah satu aktiviti kehidupan yang penting bagi kelangsungan hidup. Berbagai aspek akan di bincangkan dalam makalah ini bagi melihat sejauh mana pelaksanaan tersebut telah dikecapi.

## **Perlaksanaan Ekonomi Islam di Negara Brunei Darussalam**

Ekonomi Brunei yang bersumberkan minyak dan gas telah melayakkannya muncul sebagai negara membangun yang mampu menyediakan berbagai kemudahan untuk penduduknya dan juga mampu bersaing dengan negara lain dalam pelbagai aspek.

Dalam usaha negara bagi melaksanakan kelangsungan aktiviti ekonomi yang mengikut lunas-lunas Islam, kerajaan negara telah memberi perhatian besar pada pembangunan prasarana seperti prasarana untuk pengangkutan barang dan manusia baik melalui darat, laut mahupun udara, di samping menyediakan prasarana pembangunan ekonomi untuk perniagaan, pembuatan dan sebagainya. Hampir semua bangunan komersil di negara ini dibangunkan mengikut lunas Islam seperti penyediaan surau dan bilik ibadah yang mengasingkan kaum lelaki dan wanita bagi membolehkan pengguna yang beragama Islam melaksanakan solat lima waktu.

Untuk memastikan kelangsungan aktiviti perekonomian negara, kerajaan juga berperanan melaksanakan pemantauan dan pemerhatian pasaran dalam negara bagi kesejahteraan rakyatnya. Yang paling penting dalam pelaksanaan ekonomi Islam adalah memastikan sukatan dan timbangan, penjagaan kualiti dan menunaikan janji dan hak untuk kepentingan pengguna. Kerajaan juga berperanan sebagai pemerhati dari segi harga barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan di negara ini bagi mengelak pengguna dari dieksploitasi dan dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata.

Penduduk Islam di negara ini sangat bersyukur kerana kerajaan Brunei sangat menitik beratkan kepentingan halal dan haram bagi barang-barang pengguna, perkhidmatan mahupun pelaburan perniagaan. Pemantauan bagi memastikan kehalalan barang makanan yang di import dari luar negara boleh dikatakan sangat ketat perlaksanaannya di negara ini sehinggakan tindakan undang-undang akan diambil jika mana-mana pihak berani membawa masuk binatang sembelihan dari negara jiran yang diragui kehalalannya. Sewajarnya penduduk negara ini berasa selamat untuk membeli barang-barang keperluan makanan dari mana-mana kedai di negara ini kerana sistem pemantauan yang telah dilaksanakan kerajaan adalah sangat memadai.

Dalam perkembangan terbaru, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei telah bertitah bagi menggalakkan semua premis perniagaan untuk menutup sementara perniagaan mereka bagi memberi hormat waktu menunaikan solat jumaat selama dua jam iaitu dari pukul 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang. Seruan titah ini telah diterima baik oleh rakyat sesuai dengan hasrat baginda yang mahu menjadikan negara ini sebagai negara zikir yang mementingkan keberkatan dari Allah Taala semata-mata.

## Perbankan dan Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam

Sejarah penubuhan bank Islam di Brunei bermula dengan tertubuhnya perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) pada tahun 1991. Pada dasarnya penubuhan awal TAIB adalah lebih pada sebuah tabung amanah, namun ianya juga telah beroperasi sebagai sebuah perbankan yang mengikut landasan syariah sehingga sekarang.

TAIB telah pun mempunyai dua buah anak syarikat iaitu; Insuran Islam TAIB Sendirian Berhad yang melaksanakan perkhidmatan insuran atau Takaful, dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad yang melaksanakan perkhidmatan Haji dan Umrah serta sebagai agensi pelancongan. Sehingga saat ini, TAIB telah mempunyai 8 buah cawangan termasuk ibu pejabatnya dan meletakkan satu cawangan bagi setiap daerah iaitu Belait, Tutong dan Temburong.

TAIB juga telah berkembang melalui peningkatannya dari segi penyediaan produk dan perkhidmatan seperti yang tertera di tabel1 berikut.

Cengkeram	Simpanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Simpanan Al-Wadiah s</li> <li>• Simpanan Simanja</li> <li>• Simpanan Remaja</li> <li>• Simpanan Tekad Haji</li> <li>• Simpanana Belia</li> <li>• Simpanan Berjasa</li> <li>• Simpanan Syarikat</li> </ul>
	masa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ar-Rizq</li> <li>• sijil cengkeram TAIB (TDC)</li> </ul>
Pembiayaan runcit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan peribadi</li> <li>• Pembiayaan harta</li> <li>• Pembiayaan kenderaan</li> <li>• Pembiayaan pendidikan</li> <li>• Pembiayaan peralatan pendidikan</li> <li>• Pembiayaan ubah suai rumah</li> </ul>	
Pembiayaan Korporat		
Khidmat lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembayaran bill</li> <li>• Arahan pembayaran</li> <li>• Pemindahan telegrafik</li> </ul>	
E-Banking	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan ATM</li> <li>• SMS Banking</li> </ul>	
Kaunter Zakat		

Sumber: [www.taib.com.bn](http://www.taib.com.bn)

**Tabel 1:** Produk dan Perkhidmatan Perbankan TAIB

Dengan adanya akta perbankan Islam, negara Brunei telah secara rasmi memulakan perbankan Islam pada tahun 1993 dengan penukaran nama *International Bank of Brunei* kepada Islamic Bank Brunei Berhad (IBB). Kemudian diikuti dengan penubuhan anak syarikat dalam kewangan yang IBB Kredit dan Takaful IBB Berhad.

Kemudian perbankan Islam telah bertambah dengan penubuhan *Islamic Development Bank of Brunei* (IDBB). Pada awalnya bank ini adalah sebuah perbankan konvensional tetapi telah ditukar menjadi sebuah perbankan Islam. Bank tersebut juga mempunyai sebuah anak syarikat yang diberi nama Takaful IDBB.

Pada tahun 2006, IBB telah digabungkan dengan IDBB untuk menjadi Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dan sekarang merupakan sebuah bank yang terbesar di negara ini. Perkembangan perbankan dan kewangan Islam juga telah di semarakkan dengan tertubuhnya satu lagi syarikat kewangan yang di gelar BIBD At-Tamwil.

Sebagai sebuah bank yang terbesar di Brunei, sebanyak 16 buah cawangan BIBD telah beroperasi di seluruh daerah. BIBD juga telah menyediakan banyak produk dan perkhidmatan bagi menepati kehendak semasa pelanggan di negara ini mahupun di luar negara. Tabel 2 memaparkan jenis-jenis produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh BIBD.

Pengguna	cengkeram	pembiayaan	Kad	Pelaburan	Perkhidmatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun semasa</li> <li>• Akaun Tiered</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan pribadi</li> <li>• Kemudahan overdraf</li> <li>• Pembiayaan mikro</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Debit</li> <li>• kredit</li> <li>• Hadiah Plus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cengkeram masa – BND</li> <li>• Cengkeram masa – matawang luar</li> <li>• Dana AL-Kautsar Asia Pacific</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggiriman wang</li> <li>• Pembayaran bill &amp; pengurusan harta</li> <li>• Skim khusus Pekerja koporat</li> <li>• Pakej penuntut A+</li> <li>• Kaunter Zakat</li> <li>• Badan amal</li> <li>• Perkhidmatan lain-lain</li> </ul>

	<p>Akaun simpanan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyimpan mudah</li> <li>• Penyimpan kanak-kanak</li> <li>• Penyimpan penuntut</li> <li>• Penyimpan warga emas</li> <li>• Simpanan bertingkat</li> <li>• Penyimpan umum</li> <li>• Penyimpan bertujuan</li> <li>• Penyimpan haji</li> </ul>	<p>Pembiayaan pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pendidikan</li> <li>• sendiri</li> </ul>			
	<p>Akaun mata wang luar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• semasa</li> <li>• simpanan</li> </ul>	<p>Pembiayaan rumah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• rumah</li> <li>• Rumah Plus</li> <li>• Ubah suai rumah</li> </ul>			
Korporat	Cengkeram	pembiayaan	kad	pelaburan	Perkhidmatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun semasa</li> <li>• Akaun umum</li> <li>• Akaun bertingkat</li> </ul>	Pembiayaan korporat	Kad cepat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cengkeram masa – BND</li> <li>• Cengkeram masa – matawang luar</li> <li>• Dana AL-Kautsar Asia Pacific</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengiriman wang</li> <li>• Pembayaran bill</li> <li>• Skim istimewa pekerja korporat</li> </ul>
	<p>Akaun mata wang luar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun mata wang luar</li> </ul>	Pembiayaan perusahaan kecil & sederhana			
		Pembiayaan perniagaan			
Institusional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Khidmat nasehat korporat</li> <li>• Sector awam &amp; GLC</li> </ul>				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan keselamatan</li> </ul>				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Transaksi bank</li> </ul>				
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bendahari &amp; pasaran</li> </ul>				

Sumber: [www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn)

**Tabel 2:** Produk dan perkhidmatan perbankan BIBD

Dengan kejayaan pelancaran Brunei Halal pada tahun 2009, satu peluang besar telah terbentang luas untuk kemajuan dan pembangunan bank Islam di negara ini di mana bank Islam berpeluang membiayai dan menolong pembangunan sektor memproses makanan halal di negara ini. Peranan bank Islam ini dapat menyumbang ke arah keberkesanan dan kejayaan hasrat negara untuk mempelbagaikan ekonomi dengan menggalakkan lebih banyak penduduk negara ini untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan kecil dan sederhana yang berlandaskan syariah.

Dalam perkembangan lain pelaksanaan perbankan dan kewangan Islam di Brunei adalah dengan adanya pengisuan sukuk jangka pendek yang merupakan langkah awal dalam membina pasaran modal yang lebih meluas di mana bond Islam telah dirancangan untuk dijadikan tiang induk bagi membantu pasaran modal dan syarikat-syarikat tempatan yang berhasrat untuk mengadakan modal baru bagi tujuan perluasan rangkaian perniagaan mereka. Pengisuan sukuk adalah berlandaskan hukum syariah dan asset serta tidak ada unsur-unsur pengambilan riba yang haram.

Selain daripada perkhidmatan perbankan Islam, penduduk negara ini juga telah di perkenalkan dengan perkhidmatan insuran yang berlandaskan hukum Islam. Walaupun pasaran insuran di negara ini masih berskala kecil, namun hingga sekarang sejumlah 12 syarikat insuran konvensional dan Islam telah menjalankan operasinya. Peluang untuk pasaran insuran islam di Negara ini sangatlah terbuka luas untuk syarikat perbankan dan kewangan islam mengambil kesempatan melebarkan sayap perniagaan mereka agar dapat menyaingi syarikat insuran konvensional yang ada.

### **Ekonomi, Perbankan dan Kewangan Islam dalam Pendidikan di Negara Brunei Darussalam**

Dengan tercetusnya krisis ekonomi global baru-baru ini, ekonomi, perbankan dan kewangan secara Islam telah dilihat sebagai satu alternatif penyelesaian untuk mengelak daripada terlibat dengan krisis ekonomi yang melanda dunia. Ini kerana salah satu punca berlakunya krisis ekonomi yang melanda dunia khususnya di negara-negara barat adalah sistem riba yang di amalkan dalam perekonomian, perbankan dan kewangan mereka.

Potensi pasaran ekonomi, perbankan dan kewangan Islam telah menarik minat negara-negara sebelah barat secara skala yang besar. Minat ke arah ini bukan hanya dari segi potensi perniagaan malah dari segi pendidikan. Bank barat, pasaran saham, piawai perakaunan, semua sibuk untuk menembusi bidang ini. Universiti-universiti dari Harvard sehingga ke Tokyo bersungguh-sungguh untuk memperkenalkan dan memperluaskan program-program untuk pendidikan dan penyelidikan dalam bidang ini ke peringkat yang tinggi. Buku baru dan jurnal dalam bidang ini juga telah semakin bertambah bagaikan cendawan tumbuh. Seminar dan persidangan juga telah banyak memfokuskan tentang isu-isu kewangan (Hasan, 2008).

Dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran, kesedaran dan ilmu pengetahuan dalam aspek perekonomian, perbankan dan kewangan Islam di Brunei, kerajaan telah meluluskan dan menggalakkan perkembangan dari segi pendidikan. Perkembangan ini adalah selaras dengan pentingnya negara Brunei sebagai negara

Islam mempraktikkan dan melaksanakan sistem perekonomian, perbankan dan kewangan Islam. Perkembangan bidang ini dalam aspek pendidikan dapat dilihat dengan adanya institusi-institusi tinggi di negara ini memperkenalkan program-program di peringkat Ijazah pertama, lanjutan dan professional. Di Universiti Brunei Darussalam (UBD), program pengajaran dan penyelidikan dalam bidang perekonomian, perbankan dan kewangan Islam telah bermula sejak penubuhan universiti ini apabila salah satu program di Fakulti Sastera Dan Sains Kemasyarakatan menawarkan mata pelajaran Ekonomi Islam bagi program Ijazah sarjana muda ekonomi dan perakaunan.

Mata pelajaran Ekonomi Islam ini masih lagi ditawarkan hingga sekarang walaupun program Ijazah sarjana muda ekonomi telah berpindah ke Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Dasar Awam. Selain daripada itu, mata pelajaran ini telahpun diperkenalkan ke peringkat program Ijazah lanjutan dan diselaraskan dengan program-program lain yang ditawarkan di fakulti ini.

Mata pelajaran wajib dan pilihan yang diperkenalkan di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Dasar Awam, UBD bagi program ijazah lanjutan kewangan Islam adalah seperti berikut:

Subjek wajib	Subjek pilihan
Etika Perniagaan & Tanggungjawab Social Korporat	Latihan Industri (pengalaman praktikal)
Hukum Islam	Ekonometrik kewangan
Ekonomi Islam	Isu-isu legal dalam Kewangan Islam
Transaksi Islam	Topik Isu-Isu Kewangan Islam
Perakaunan untuk Kewangan Islam	Syariah Audit
Kewangan Mikro Islam	
Pelaburan dalam Kewangan Islam	
Pengurusan Risiko dalam Kewangan Islam	
Teori Kewangan Moden	

Sumber: <http://fbeps.ubd.edu.bn/graduate.html>

Selain dari UBD, institusi tinggi yang lain seperti Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Teknologi Brunei (ITB) masing-masing mengadakan pengajaran dan penyelidikan dalam bidang ekonomi, perbankan dan kewangan Islam.

Pengajaran dan penyelidikan dan latihan professional dalam bidang ekonomi, perbankan dan kewangan Islam telah giat dilaksanakan di Brunei Darussalam dengan penubuhan pusat bank dan kewangan islam atau nama singkatannya cibfm (*centre for Islamic banking, finance and management*) ianya ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan. Pusat ini telah menawarkan khidmat latihan profesional bagi para pengamal dalam bidang ini, di samping giat mengadakan forum, seminar, dan persidangan yang turut mengundang para pakar dari luar negara. Pusat ini telah dihasratkan untuk menjadi platform bagi melahirkan bakat baru yang boleh menjadi pakar dalam industri kewangan negara di masa akan datang. Antara lain pusat ini telah menawarkan satu program professional fiqh muamalat yang memberikan subjek-subjek berikut:



prinsip syariah untuk penasihat syariah
memahami produk & perkhidmatan kewangan islam dari perspektif ilmuan syariah
ciri-ciri laporan perakaunan dan kewangan untuk penasihat syariah
ciri-ciri dokumentasi legal untuk penasihat
penyediaan dan pembentangan isu-isu syariah kepada badan syariah
penggunaan prinsip syariah dalam penstrukturan produk dan inovasi
macam mana menjadi penasihat dan penyelidik syariah yang efektif
pemahaman dan kepakaran ulasan syariah

Sumber: <http://www.mof.gov.bn/CIBFM>

## Kesimpulan

Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam telahpun membuktikan pengalamannya dari segi pelaksanaan ekonomi, perbankan dan kewangan Islam. Pengalaman Brunei dalam aspek ini demi pembangunan negara dapatlah dibanggakan walaupun belum begitu lama. Dengan sokongan dan pimpinan raja negara ini, kerajaan akan terus berusaha ke arah pembangunan perekonomian, perbankan dan kewangan yang berlandaskan ajaran agama Islam yang dianuti turun temurun rakyat negara ini.

Adalah diharapkan pembangunan dan pelaksanaan yang sedia ada di negara ini dapat dipertingkatkan lagi demi masa depan yang lebih cemerlang di samping mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wataala jua. Sesungguhnya penduduk negara ini tidak terhalang dari menjalankan aktiviti perekonomian mereka yang belandaskan syariah dengan adanya sokongan kuat dari kerajaan negara ini yang sentiasa melaksanakan dasar-dasar perekonomian yang sihat, bersih, berkualiti lagi halal dimata Islam. Dasar-dasar yang berguna bukan hanya untuk dilaksanakan dalam mempraktikkan aktiviti perekonomian, perbankan, dan kewangan seharian malah penting dalam pembentukan kesedaran melalui dasar pendidikan yang menitikberatkan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan dalam aspek ekonomi, perbankan dan kewangan Islam bagi melahirkan para cendekiawan dan ilmuan dan professional yang berkemahiran dalam bidang ini.

## Rujukan

Abdul Razak, M. R. 2011. *Moving towards an Islamic economy: How Brunei Darussalam can gain through Islamic bond*. Universiti Brunei Darussalam.

Hasan, Zubair, 2008. *Islamic finance education at graduate level: Current position and challenges*. International Islamic University, Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur  
<http://mp.ra.ub.uni-muenchen.de/8737/>

Karim, A.A. 2007. *Ekonomi Makro Islami*. PT RajaGrafindo Persada. Jakarta.

Kelvin, Lim. 2009. *An analysis of the current legal procedure in the enforcement of Islamic Banking Instruments in Brunei Darussalam*. Universiti Brunei Darussalam

Omaralli, S. 2010. *Makanan halal pilihan utama di Negara Brunei Darussalam*.  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/27ogos10/berita>

Siddiqi, M. N., 2007. *An Approach to Islamic Economics*.  
<http://islamic-finance-resources.com/>

Sulaiman, Z. 2012. Titah penutupan sementara premis-premis waktu sembahyang jumaat di sambut baik.  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/04nov12/berita>

The Report, Brunei Darussalam 2009. Oxford Business Group.

Yussof, M. H. 2001. *An Advent of Islamic Banking and Finance: Appraising Islamic Bank of Brunei Darussalam*. International Islamic University Malaysia.